



Cadangan ke arah Pemerkasaan Sistem Agihan Zakat berdasarkan kepada Pandangan Fuqaha

MOHD SYAHIRAN ABDUL LATIF¹, ABDUL RAZAK ABDUL KADIR², SHARIFAH ANOM OMAR³ & AHMADI AMNAN⁴

^{1&2}Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak

²Universiti Teknologi MARA Shah Alam

⁴Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang Kuching, Sarawak

syahiran@uitm.edu.my, abdurak1@uitm.edu.my, anom@uitm.edu.my

Abstrak

Kefardhuan zakat bukan hanya berkisar setakat kutipan dan bayaran semata-mata, tetapi ianya berterusan sehingga selesai agihan dibuat kepada asnaf yang telah ditetapkan dan seterusnya melihat bagaimana agihan zakat tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan asnaf terutamanya fakir dan miskin. Dana zakat jika diurus dengan sistematik dan bijaksana dapat menjadi salah satu daripada sumber kekuatan negara yang mana dengannya dapat dibina kekuatan ekonomi, sosial, pendidikan dan akhirnya dapat membentuk kesatuan ummah yang jitu dan ampuh. Di Malaysia, statistik jumlah kutipan zakat setiap negeri secara purata mencatatkan peningkatan yang amat memberangsangkan disebabkan oleh faktor peningkatan ini adalah disebabkan kepelbagaian inisiatif sistem kutipan termasuk peningkatan tahap kesedaran membayar zakat dalam kalangan masyarakat Islam. Walau bagaimanapun, sistem agihan zakat di Malaysia masih lagi berada di dalam fasa yang agak sederhana berbanding sistem kutipannya. Terdapat sebahagian daripada asnaf yang telah bertahun-tahun menjadi penerima zakat tetapi keadaan mereka masih tetap tidak berubah dan terus berada di bawah garis kemiskinan dan apa yang lebih parah lagi apabila kemiskinan tersebut diwariskan kepada generasi setelah mereka. Selain daripada itu, sebilangan asnaf penerima zakat menganggap bantuan dana zakat yang diperolehi setiap bulan adalah elaun tetap sara hidup mereka dan apabila bantuan tersebut dihentikan kerana cukup tempoh, mereka datang mempersoal dan menyalahkan pihak pengurusan zakat. Justeru, kertas kerja ini cuba mencadangkan konsep agihan zakat yang lebih komprehensif dalam memenuhi keperluan secara tersasar golongan fakir dan miskin seterusnya menjadi pendorong mereka untuk keluar daripada garisan kemiskinan yang selama ini membelenggu dan merantai kehidupan mereka. Adalah diharapkan perbincangan melalui kertas kerja ini dapat membantu seterusnya menginspirasi sebuah sistem agihan zakat yang berdaya maju dalam merubah landskap kemiskinan golongan penerima zakat.

Kata kunci: Zakat, Kemiskinan, Sistem agihan & pemerkasaan

1. Pendahuluan

Allah SWT menciptakan manusia sebagai makhluk yang memiliki kecenderungan fitrah untuk hidup bermasyarakat disamping perjalanan takdir hidup yang berbeza-beza antara satu sama lain. Perbezaan tersebut menjadi rencah utama dalam kehidupan bermasyarakat lantaran wujudnya jurang kaya dan miskin memisahkan kehidupan mereka walaupun hidup dan berjalan di atas bumi yang sama, tetapi status dan keadaan mereka berbeza. Muslim yang beriman sentiasa meyakini bahawa semua yang ditakdirkan dalam kehidupan di dunia ini adalah ujian bagi keimanan manusia sama ada kaya atau pun miskin. Justeru, wujudnya jurang pemisah di antara kedua kelompok tersebut bukanlah alasan sehingga membawa kepada penindasan dan pencemaran sosial seperti budaya kasta dan amalan perbezaan status berasaskan material. Sebagai langkah menangani permasalahan tersebut, perlu ada medium yang boleh mengikat kemesraan dan kasih sayang di antara mereka agar keutuhan dan keharmonian hidup bermasyarakat dapat dilestarikan dengan baik. Maka di sinilah Islam datang memberikan solusi terbaik dengan memperkenalkan zakat sebagai satu sistem yang berupaya mengharmonikan isu tersebut sekaligus membina kembali tautan ukhuwah dan *mahabbah* dalam kalangan masyarakat. Oleh yang demikian, peranan zakat amat diperlukan bagi mengimbangi semula ketidakseimbangan hidup dan seterusnya merapatkan kembali jurang perbezaan di dalam masyarakat yang semakin hari semakin menjauh

Pelaksanaan zakat bukan hanya berkisar setakat kutipan dan bayaran semata-mata, tetapi ianya berterusan sehingga selesai agihan dibuat kepada asnaf yang telah ditetapkan dan seterusnya melihat bagaimana agihan zakat tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan asnaf terutamanya fakir dan miskin. Hailani (2004) telah mensyaratkan bahawa, agihan zakat yang disalurkan kepada fakir dan miskin mestilah mampu mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan dan beliau turut mencadangkan bahawa agihan zakat boleh diberikan sama ada dalam bentuk modal perniagaan atau dalam bentuk material lain seperti kenderaan, kedai dan sebagainya. Ini kerana Allah SWT menetapkan zakat kepada lapan asnaf berkenaan bertujuan untuk menyelesaikan keperluan dan menyempurnakan *masalah* mereka, sesuai dengan maksud zakat iaitu menutup kekurangan dan menyelesaikan keperluan. Jika agihan



zakat tidak berupaya membantu apatah lagi menyelesaikan permasalahan golongan ini, maka misi dan matlamat zakat masih samar dan belum tercapai sepenuhnya.

Misi dan matlamat pengurusan zakat, adalah sebagai sebuah entiti kebajikan yang memberikan bantuan dan jaminan serta perlindungan kepada golongan asnaf terutamanya fakir dan miskin dalam mencapai makna kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Pengagihan zakat yang dilakukan saban tahun kepada golongan ini bukan sahaja bertujuan meringankan beban mereka, tetapi diharapkan dapat mengeluarkan mereka dari belenggu kemelatan hidup agar mereka mampu hidup berdikari dan dapat merasai nikmat kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Hasil kutipan zakat turut digunakan sebagai medium kepada pembangunan ummah terutamanya dalam usaha membantu golongan *muhtajin* (Ram et al., 2010) yang kebanyakannya terdiri daripada fakir dan miskin. Ketiadaan nas khusus berhubung kaedah agihan zakat telah menjadikan sistem agihan zakat fleksibel serta lebih bersifat *ijtihadi* iaitu andaian dan pandangan ke arah mencapai konsep asas menurut cara dan kaedah yang paling praktikal. Ketiadaan nas khusus juga telah mengundang para sarjana fiqh dari pelbagai aliran mencebur diri ke medan perbahasan bagi mengemukakan berbagai pandangan yang menjurus kepada konsep serta kaedah agihan seterusnya bagi menentukan kelayakan penerima zakat.

2. Agihan Zakat

Mekanisme agihan zakat perlu mengenal pasti keperluan sebenar golongan asnaf mengikut keutamaan. Agihan zakat yang tidak mesra dengan persekitaran didapati gagal membendung masalah kemiskinan dalam kalangan umat Islam walaupun jumlah kutipan zakat oleh pusat kutipan zakat dilaporkan meningkat setiap tahun. Ismail Mina (2014) menegaskan bahawa mekanisme kutipan zakat di Malaysia sangat efisien dan antara yang terbaik di dunia, namun birokrasi dalam kaedah pengagihan zakat menyebabkan golongan asnaf kekal miskin. Abdul Wahab et.al. (1995) turut menyatakan bahawa pengagihan zakat di Malaysia tidak diurus dengan baik kerana kekurangan pekerja yang berkelayakan dan tiada jaringan professional. Ketidakterkesan mekanisme agihan zakat menyebabkan masyarakat kurang yakin dengan kewibawaan pihak pengurusan zakat dan isu keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat masih terus membelenggu umat Islam (Wan Salim Wan Mohd Noor, 2019) Hal ini turut mengundang kritikan berterusan terhadap tadbir urus institusi zakat (Radiah, 2011; Aidit, 1989) Sikap tidak yakin kepada institusi zakat turut menjadi penyebab untuk seseorang individu itu membayar zakat melalui saluran tidak formal (Hairunnizam et. al, 2009) Pihak pengurusan zakat perlu menilai dan mengkaji semula mekanisme agihan zakat supaya lebih mesra asnaf dan seterusnya mengembalikan semula keyakinan masyarakat.

Agihan zakat kepada asnaf miskin perlu merangkumi tiga keperluan asas utama kehidupan manusia iaitu, material, pengetahuan dan kemahiran. Agihan zakat yang hanya bersifat material sahaja tidak akan berjaya mencapai matlamat agihan zakat sebenar atau dalam erti kata lain matlamat untuk mengubah penerima zakat (*mustahiq*) menjadi pembayar zakat (*muzakki*) tidak akan berjaya. Mereka hanya menjadi penerima zakat tetapi dalam masa yang sama jiwa mereka masih miskin dan tidak membantu untuk membentuk sikap yang positif dalam usaha untuk merubah kehidupan kepada lebih baik. Selain daripada itu, perubahan turut memerlukan kepada kemahiran yang menyokong keberlangsungan hidup mereka. Jika ketiga-tiga perkara asas tersebut tidak seiring, maka agenda bagi mencapai matlamat agihan zakat tidak akan berjaya. Justeru, kerana itulah dapat dilihat kini kenapa asnaf penerima zakat terus kekal di dalam kemiskinan biarpun telah lama menjadi penerima zakat. Kajian Syahiran (2019) mendapati terdapat golongan penerima zakat dianggap sebagai penerima zakat pasif kerana sikap ketidakpedulian dan kurangnya kemahiran hidup menjadikan mereka bersikap mengharap bantuan pemerintah menyebabkan mereka sukar untuk berubah. Maka zakat memainkan peranan dalam menajamkan kemahiran atau mencungkil kemahiran golongan ini agar dapat digunakan sebagai landasan perubahan hidup.

Sikap pasif tersebut akan menyukarkan institusi dan pengurusan zakat untuk melaksanakan misi perubahan kepada golongan miskin kerana mereka tidak akan memberikan kerjasama yang sepatutnya. Pemberian zakat tanpa perancangan kepada golongan miskin dikhuatiri akan mewujudkan kelompok yang dikenali sebagai “penerima zakat selesa” yang tiada motivasi untuk bekerja dan merubah kehidupan kerana selesa bergantung dengan pemberian wang zakat secara bulanan. Oleh yang demikian, agihan zakat yang sistematik dan konprehensif perlu mengambilkira pembangunan sikap dan kemahiran asnaf. Perkara ini telah digambarkan oleh Rosbi & Sanep (2010) di dalam kajian mereka bahawa keberkesanan agihan zakat bukanlah semata-mata bergantung kepada kejayaan material sahaja, tetapi ia meliputi seluruh aspek kehidupan manusia sama ada dari sudut rohani, emosi mahupun jasmani. Justeru, Agihan zakat, bukan sekadar agih dan terpulanglah kepada penerima bagaimana cara untuk mengurus atau bagaimana cara untuk berbelanja. Golongan ini perlu dibimbing dan dipimpin sehingga mereka benar-benar mampu bangkit dan melangkah keluar dari garisan kemiskinan. Ini kerana terdapat ramai dikalangan mereka yang memiliki kemahiran dan potensi mengembangkan sumber sara diri ke tahap yang lebih baik. Namun, oleh kerana kaedah agihan zakat yang



tidak strategik dan tidak menepati keperluan, menjadikan potensi tersebut terpendam begitu sahaja serta tidak dapat dikembangkan dengan lebih baik. Proses agihan zakat perlu memahami apakah keperluan sebenar fakir dan miskin dan apakah yang boleh dilakukan dengan wang zakat bagi tujuan mengubah kehidupan golongan fakir dan miskin. Persepsi dan amalan tradisional pengagihan zakat seperti kebiasaan yang diamalkan perlu diubah atau ditambahbaik supaya setiap daripada fakir dan miskin mendapat hak masing-masing.

3. Agihan Zakat Menurut Fuqaha

Nasih Ulwan (1985) telah memberikan suatu solusi mengenai agihan zakat yang dilihat seiring dengan isu kontemporari agihan zakat masakini di mana beliau telah meletakkan kaedah agihan zakat kepada fakir dan miskin bergantung pada dua keadaan iaitu, pertama golongan fakir miskin yang sakit dan uzur, justeru kelompok tersebut berhak menerima zakat dalam bentuk bayaran bulanan berdasarkan kepada keperluan mereka, manakala yang kedua adalah golongan fakir miskin yang mampu bekerja dan menghasilkan pendapatan, maka kelompok ini boleh diberikan zakat berdasarkan corak kemahiran mereka seperti modal untuk berniaga dan alatan pekerjaan yang dapat menampung keperluan pekerjaan mereka. Para fuqaha secara umumnya berbeza pandangan mengenai kaedah agihan zakat terhadap asnaf fakir dan miskin. Perbezaan pandangan tersebut telah menjadikan isu agihan zakat dibincang secara panjang lebar oleh para fuqaha. Sebagai penjelasan terhadap isu tersebut, al-Qaradhawi (1996), telah menyimpulkan bahawa perbincangan para fuqaha berkenaan kaedah agihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin berkisar kepada dua asas utama iaitu, agihan yang mencukupi keperluan seumur hidup (كفاية العمر) dan agihan yang mencukupi perbelanjaan untuk satu tahun (كفاية السنة).

Bagi menjelaskan maksud pembahagian yang dikemukakan oleh al-Qaradhawi tersebut, dikemukakan beberapa pandangan daripada fuqaha al-Malikiyah dan al-Hanabilah yang merupakan antara kelompok yang berpendapat bahawa cara pemberian haruslah mencukupi perbelanjaan fakir atau miskin dalam tempoh setahun (كفاية السنة) dan tidak boleh melebihi tempoh tersebut (Al-Mausu'ah al-Fiqhiyah, 1992). Ini kerana kewajipan zakat akan berulang dari setahun ke tahun berikutnya (*haul*), maka dengan sebab pemberian kepada golongan ini mestilah mencukupi perbelanjaan untuk setahun (Al-Ghafili, 2008). Oleh itu, mereka bersependapat bahawa kaedah pemberian zakat kepada asnaf fakir dan miskin memadai dengan pemberian yang mencukupi perbelanjaan dari setahun ke setahun berikutnya dan mereka turut berpandangan bahawa, tiada had atau kadar tertentu yang boleh dikira mencukupi perbelanjaan setahun, tetapi perkiraannya adalah berdasarkan kepada keperluan yang dilihat munasabah (al-Qaradhawi, 1996).

Sementara Imam al-Shafie bersama sebahagian fuqaha al-Hanabilah telah membenarkan pemberian zakat berdasarkan kepada keperluan fakir dan miskin meskipun pemberian tersebut melebihi nisab selain daripada itu juga, pemberian zakat kepada golongan ini mesti berdasarkan kepada pemberian yang mencukupi keperluan seumur hidupnya (كفاية حياته) seperti contoh alatan bekerja jika ia mampu dan mahir melakukan pekerjaan ataupun modal membeli barangan perniagaan jika mereka berkemahiran berniaga (Al-Syirazi, 1995 & Nasih Ulwan, 1985) Imam al-Shafie turut menambah, pemberian zakat kepada golongan ini mestilah berupaya mengeluarkan mereka daripada belenggu kesusahan hidup kepada kesenangan dan kemudahan (Al-Mausu'ah al-Fiqhiyah, 1992). Pandangan ini turut dikongsi oleh sebahagian fuqaha al-Hanabilah dengan tambahan bahawa, selagi mana keperluan tersebut dikira munasabah, maka ia perlu dibantu walaupun memerlukan biaya yang agak besar seperti modal perniagaan dan seumpamanya. Ini kerana hasil kutipan zakat adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan dan menyelesaikan masalah golongan ini (Ibnu 'Abd al-Baar, 1993) Sehubungan itu, al-Ghafili (2008) telah memberi komentar berkenaan pengagihan zakat kepada kelompok fakir dan miskin tidak perlu terikat kepada nisab atau kadar tertentu, malah ianya bergantung kepada keperluan dan kecukupan (*kifayah*) golongan tersebut misalnya fakir atau miskin yang memiliki kemahiran tertentu lalu dibantu dengan peralatan sehingga mereka mampu untuk berdikari dan seterusnya keluar dari kemiskinan. Beliau turut menambah, walaupun nilai peralatan tersebut melebihi kadar nisab, maka ia harus diberikan kepada golongan tersebut kerana matlamat agihan zakat adalah bagi menyelesaikan masalah kemiskinan dikalangan masyarakat.

4. Mengharmonikan Pandangan Fuaqaha Mengenai Konsep Agihan Zakat

Dirumuskan bahawa kaedah pemberian atau agihan zakat kepada fakir miskin boleh dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu pertama; berdasarkan kepada perbelanjaan dan kedua; berdasarkan kepada keperluan. Bagi kategori pertama iaitu pemberian berdasarkan perbelanjaan, ianya dirujuk kepada kategori fakir dan miskin kekal iaitu mereka yang tidak mampu bekerja dan tidak mampu menghasilkan pendapatan bulanan disebabkan wujudnya halangan seperti sakit kekal atau cacat fizikal sebagaimana yang telah disebutkan oleh Nasih Ulwan (1985) sebelum ini. Ini kerana golongan ini akan selamanya bergantung dengan bantuan dan tidak akan dapat dikeluarkan hidup mereka dari kemiskinan atau kefakiran disebabkan keadaan fizikal mereka. Maka pemberian zakat kepada golongan ini perlu mencukupi




perbelanjaan setahun berdasarkan kepada perbelanjaan mereka sebagaimana yang dicadangkan oleh fuqaha al-Malikiyah dan al-Hanabilah.

Berkait dengan perkara tersebut juga, fakir miskin yang tiada halangan fizikal yang telah melepasi tahap umur 62 tahun adalah turut dianggap tergolong dalam kelompok fakir miskin kekal berdasarkan kepada pandangan al-Shafie. Ini kerana golongan yang berumur diperingkat ini selalunya dianggap tidak lagi produktif dan pada kebiasaannya tidak lagi mampu menanggung beban pekerjaan disebabkan faktor umur dan keadaan fizikal mereka yang lemah sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Ilhaamie & Wan Suryati (2008) membuktikan bahawa bagi pekerja diambang umur 60 tahun produktiviti mereka semakin menurun kerana telah mendapat kenaikan pangkat dan gaji selain mula memikirkan persiapan untuk persaraan. Kajian Burtless (2013) turut mendapati kebanyakan pekerja yang menginjak usia 60 ke atas tidak lagi produktif jika dibandingkan dengan mereka yang berada dalam usia muda. Maka kedua-dua kelompok ini dikategorikan sebagai fakir dan miskin kekal yang layak diberikan zakat berdasarkan kadar perbelanjaan mereka. Pengkategorian asnaf miskin kepada dua bahagian iaitu mengambilkira pemberian berdasarkan perbelanjaan dan pemberian berdasarkan keperluan dengan meletakkan had umur 62 tahun sebagai garis pemisah di antara kedua-dua kategori boleh menjadikan konsep agihan zakat lebih praktikal dan efisien di mana potensi dan keperluan sebenar asnaf ini dapat dikenalpasti serta menjadikan agihan zakat akan benar-benar sampai kepada matlamatnya.

Manakala bagi kategori kedua iaitu pemberian berdasarkan keperluan, ianya dirujuk kepada golongan miskin yang dilihat berpotensi untuk mengubah hidupnya, memiliki tubuh badan yang sempurna dan sihat serta mampu menghasilkan pendapatan melalui pekerjaan atau kelompok yang dianggap miskin relatif (relative poverty) kerana disebabkan oleh kenaikan kadar inflasi dan harga barangan asas. Golongan ini boleh diberikan bantuan zakat berdasarkan kepada keperluan seumur hidup (كفاية العمر) mereka seperti pemberian bantuan dalam bentuk pengembangan modal dan biaya latihan kepakaran serta kemahiran bagi tujuan mengeluarkan mereka dari belenggu kemiskinan dan kefakiran kerana mereka dilihat memiliki kemampuan dan potensi untuk melakukan perubahan hidup.

Rajah1: Konsep Agihan Zakat



Berdasarkan kepada apa yang telah dikemukakan sebelum ini, had umur 62 tahun merupakan batas pemisah di antara dua kategori agihan zakat iaitu berdasarkan perbelanjaan dan keperluan. Menerusi konsep agihan zakat yang dikemukakan ini, ianya merujuk kepada keperluan asas (*daruriyyat*) bagi golongan dalam kelompok pertama iaitu fakir dan miskin yang tiada keupayaan. Manakala bagi kelompok kedua iaitu golongan miskin yang mempunyai keupayaan, maka kadar agihan adalah merujuk kepada keperluan yang munasabah dan sesuai menurut budi bicara institusi agihan zakat berdasarkan kepada realiti keperluan manusia yang sering mengalami perubahan dari masa ke sama dan dari tahun ke tahun berdasarkan kepada beberapa pengaruh antaranya iklim ekonomi tempatan dan tuntutan sosial.



Maka dengan sebab itu penentuan kadar agihan zakat tidak boleh dilihat hanya dari sudut tertentu sahaja, tetapi perlu diletakkan dalam skop yang lebih luas dan lebih fleksibel yang boleh menerima perubahan dan penambahbaikan secara berterusan. Menerusi konsep agihan tersebut juga, kadar keperluan asas (*daruriyyat*) kelompok yang menerima zakat dalam kategori perbelanjaan atau dikenali dengan miskin kekal perlu sentiasa dikemaskini dan ditambahbaik dari masa ke semasa disebabkan oleh pengaruh persekitaran ekonomi yang sentiasa berubah dari masa ke semasa. Justeru itu, perlu wujud suatu mekanisme yang boleh digunakan sebagai alat ukur yang dinamik bagi memantau dan mengenalpasti kadar keperluan asas (*daruriyyat*) semasa.

5. Kesimpulan

Agihan zakat bukan bertujuan melahirkan manusia pemalas yang hanya tahu mengharap dan menunggu bantuan serta ehsan orang lain tanpa berusaha melakukan apa-apa ikhtiar dan pekerjaan. Agihan zakat kepada golongan miskin terutamanya adalah lebih kepada alat yang boleh digunakan oleh asnaf tersebut untuk keluar dari kemiskinan atau memperbaiki taraf hidup ke arah yang lebih baik dan selesa. Apabila asnaf yang dibantu dengan wang zakat telah berupaya untuk keluar dari kemiskinannya maka dia tidak lagi layak menerima zakat sebagaimana sebelumnya malahan statusnya mungkin berubah daripada *mustahiq* menjadi *muzakki*. Justeru, adalah disarankan kepada pihak pengurusan zakat agar lebih kreatif dan proaktif dalam meneroka idea dan kaedah baru agihan yang lebih efisien dalam usaha melestari dan melahirkan masyarakat yang mempunyai kualiti hidup yang baik dan sejahtera.

Rujukan

- Hailani, M. (2009). Konsep Agihan Zakat dan Aplikasi Semasa. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 3(1), 31-54.
- Hailani, M. T. (1998). Penafsiran Asnaf Lapan Mengikut Keperluan Semasa di Malaysia. Dalam F. P. Jabatan Syariah, Isu Syariah dan Undang-Undang: Siri 5. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ram, A.-J. S. (2013, Julai 12). Utusan Online. Didapatkan dari Kutip Zakat 7 Hari, Agihannya Bagaimana?: http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130712/re_02/Kutip-zakat-7-hari-agihannya-bagaimana
- Mohd Syahiran, A. (2019). Agihan Zakat Berdasarkan Had al-Kifayah Fakir dan Miskin: Analisis Fiqh dan Realiti di Sarawak. Shah Alam.
- Rosbi, A., & Sanep, A. (2010). Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif Maqasid al-Syariah. Seventh International Conference The Tawhidi Epistemologi: Zakat and Waqf Fund. 6th-7th, January. Bangi: Institut Islam Hadhari.
- Nasih Ulwan, A. (1985). Ahkam al-Zakah `Ala Dhau'i Mazahib al-Arba`ah. Qaherah: Dar al-Salam.
- Al-Qaradhawi, Y. (1996). Fiqh al-Zakah Dirasah Muqaranah li Ahkam wa Falsafatiha fi Dhauiy al-Quran wa al-Sunnah. Beirut, Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Al-Mausu`ah al-Fiqhiyah (Jld. 23-25). (1992). Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyah - Kuwait
- Al-Ghafili, A. (2008). Nawazil al-Zakat: Dirasat al-Zakat Ta`siliah Li al-Mustajiddat al-Zakat. Riyadh: Bank al-Bilad wa Dar al-MaymanLi al-Nasyr wa al-Tauzi`.
- Al-Syairazi, F. (1995). Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafie (Jld. 1). Beirut, Lubnan: Dar al-Kitab al-Ilmiyah.
- Burtless, G. (2013). The Impact of Population Aging and Delayed Retirement on Workforce Productivity. Chestnut Hill: MA: Center for Retirement Research at Boston College
- Ilhaamie, A., & Wan Suryati, W. (2008). Pengaruh Sikap dan Demografi Ke Atas Produktiviti Kerja Pensyarah Muslim: Kajian di Universiti Malaya. *Jurnal Syariah*, 16(2), 321-344.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada lapan asnaf: Kajian di Malaysia. In Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan
- Radiah, S. (2011, Oktober 28). Amil lesapkan wang zakat diburu, Kosmo, hlm. 2
- Aidit, G. (1989). Fenomenon pembayaran zakat melalui saluran tidak rasmi - Satu analisis empirik. Dalam Mohd Ali Hj. Baharum (Ed.), Zakat ditinjau dari perspektif sosial, undang-undang dan taksiran (pp. 1- 27). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam.